

Gubal Akta Tabung Haji - Ismail Sabri

KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu meminda atau menggubal semula Akta Tabung Haji 1995 kerana undang-undang itu dilihat sudah terlalu lama dan tidak relevan dengan keadaan semasa.

Ahli Parlimen Bera, Datuk Seri Ismail Sabri berkata, tiada peruntukan untuk patuh syariah dan tadbir urus baik diwartakan di dalam akta itu yang sedia ada walaupun Tabung Haji sebagai asasnya perlu mematuhi syariah.

“Penambahbaikan perlu dari segi tadbir urus, peman-tauan dan kawal selia bagi memastikan dana sebanyak RM88 bilion dapat diuruskan dengan lebih sempurna. Akta Lembaga Tabung Angkatan Tentera telah ditambah baik, hanya Akta Tabung Haji yang masih belum ditambah baik.

“Justeru, saya memohon penjelasan daripada kerajaan apakah perkembangan terkini dan sasaran tarikh pelaksan-

aan cadangan pindaan Akta Tabung Haji 1995,” katanya semasa perbincangan usul Menjunjung Kasih Titah Yang di-Pertuan Agong di Dewan Rakyat semalam.

Mengulas lanjut, beliau mencadangkan supaya Tabung Haji mengkaji semula tempoh masa berada di Tanah Suci dengan memperkenalkan empat pakej tempoh masa iaitu 14 hari, 21 hari, 30 hari dan 40 hari.

“Langkah ini bukan sahaja menjimatkan kos tetapi menarik minat lebih ramai menu-naikan Rukun Islam kelima kerana tempoh masa singkat dan mungkin ada antara kita yang terikat dengan kerja dan perniagaan,” katanya.

Dalam pada itu, bekas Perdana Menteri itu juga mencadangkan supaya kerajaan mempertimbang harga lantai getah beku dinaikkan kepada RM3.50 sekilogram daripada RM2.50 sebelum ini.